

# Atlet UMS tekad cemerlang kejohanan Masum 2013

UM 15.5.2013 26

KOTA KINABALU 14 Mei - Sebanyak 12 atlet olahraga Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedia bertanding dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2013 yang akan berlangsung di Universiti Malaya (UM) bulan ini.

Mereka ialah Pang Tsun Kuo, Nitas Camillus, Hafifie Febryan, Eddy Sham Irlon, Louis Muslin, Mohd. Azlan Abu Bakar, Kennedy Japari, Max Anzie Jetol, Emmy Ahkim, Felnidiah Lok Lassim, Merry Gabali dan Asong Joseph.

Semua atlet berkenaan kini menjalani persediaan rapi bagi menyertai kejohanan itu dengan sasaran meraih pingat emas selain memperbaiki catatan masa peribadi masing-masing.

Atlet 400 meter lari berpagar, Emmy berkata, dia mempunyai sasaran memperbaiki catatan masa terbaik peribadi iaitu 64.21 saat dan mengekalkan pingat emas yang dimenanginya dalam Masum 2012 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.



SEBAHAGIAN atlet Universiti Malaysia Sabah yang bakal bertanding dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2013 di Universiti Malaya pada bulan ini.